

Nama Program: PROGRAM MOTIVASI SENTUHAN HATI

Anjuran: Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer ,Politeknik Seberang Perai

Tarikh: 27 Februari 2014 (Khamis)

Masa: 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari

Tempat: Bilik Tayangan UIDM, PSP.

Penyertaan: 60 orang pelajar.

Objektif Program:

1. Memberi kesedaran dalaman kepada para pelajar.
2. Mencungkil potensi diri pelajar.
3. Memotivasi pelajar untuk meningkatkan keyakinan dan kecemerlangan diri.
4. Memperkasakan mutu pembelajaran.

Kesimpulan:

Pelajar yang memperoleh pencapaian akademik yang rendah bukan bermakna mereka lemah dan tidak boleh berjaya. Suntikan motivasi dalaman mampu memberi keyakinan diri sekaligus mengubah persepsi terhadap diri mereka sendiri. Semoga program ini mampu melenyapkan ‘inferiority complex’ dalam diri para pelajar dan berubah kepada pelajar yang sentiasa positif dan berkeyakinan dalam setiap tindakan mereka. Semoga pelajar yang menyertai program ini mendapat manfaat yang sebaiknya dan mampu meningkatkan kecemerlangan akademik dan peribadi.

Ulasan :

BUKIT MERTA JAM – 27 FEBRUARI 2014. Program Motivasi Sentuhan Hati anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah diadakan di Bilik Tayangan UIDM, Politeknik Seberang Perai (PSP). Program ini telah bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 tengahari melibatkan 60 orang pelajar PSP dan penceramah dari Az-Zahrah Multi Intelligence Academy (AMPAC) yang berpengalaman dalam mengadakan program motivasi yang memfokuskan penjanaan kepintaran holistik dan pembangunan potensi diri. Program ini terbahagi kepada 2 slot ceramah motivasi yang dikendalikan oleh 3 orang penceramah atau AMPAC Coach iaitu En Ahmad Baahir bin Baharudin, En Law Kok Sin dan Pn Noor Hidayah Amir Hassan. Program ini adalah sebagai usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dalaman dan memotivasikan para pelajar dalam meningkatkan keyakinan dan kecemerlangan diri. Program ini juga menekankan elemen-elemen kemahiran sikap, nilai, tanggungjawab dan kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar. Diharapkan agar program ini dapat memberi manfaat dan terkesan di hati setiap pelajar.

Gambar :



Permulaan program yang sangat bersemangat oleh AMPAC Coach iaitu En Ahmad Baahir bin Baharudin.



Pelajar-pelajar khusyuk mendengar motivasi.



Pelajar-pelajar melakukan salah satu aktiviti iaitu merancang kewangan di masa hadapan.




En Law Kok Sin memberi penerangan yang jelas tentang kepentingan merancang masa hadapan.



Wajah ceria pelajar ketika sesi perbincangan dalam kumpulan.



Pelajar mengambil peluang untuk bertanya dan berbincang dengan Pn Noor Hidayah Amir Hassan.



Pelajar menunjukkan hasil perbincangan dalam kumpulan bersama pelajar-pelajar lain.



Sesi soal jawab di antara pelajar dan AMPAC Coach.



Penyampaian hadiah oleh Ketua Jabatan JMSK, Puan Kalsom.



Para pelajar bergambar kenangan bersama AMPAC Coach dan Pensyarah yang terlibat.

Disediakan oleh : Setiausaha program

Nama : Nor Saadah Binti Mohammad Sowi

Jabatan: JMSK

No Telephone : 04-5383322 ext 3005